



Headline: Wanita rugi RM50,000 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 24 November 2021

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Wanita rugi RM50,000 ditipu Macau Scam

Oleh Vivi Olviana Najurus

LABUAN: Seorang wanita mengalami kerugian RM50,000 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendan Ahmad Jawila, berkata nasib malang menimpa mangsa selepas pengurus bahagian pentadbiran di sebuah syarikat itu memberi maklumat peribadinya kepada suspek pada 1.57 petang 22 Novem-

ber lalu.

“Hasil siasatan mendapati mangsa dihubungi suspek yang mendakwa sebagai pegawai di sebuah bank semasa mangsa berada di pejabatnya di Patau-Patau.

“Dalam panggilan itu, suspek memaklumkan kad kredit atas nama mangsa mempunyai transaksi tiga kali berjumlah RM15,991 menyebabkan mangsa terkejut dan menafikan perkara tersebut dengan menyatakan tidak memiliki kad kredit di bank dinyatakan itu,” ka-

tanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ahmad Jawila berkata suspek kemudian mengarahkan mangsa membuat pengesahan bagi mengemas kini akaun bank dan tanpa berfikir panjang, mangsa terus sahaja memberikan maklumat peribadinya.

“Panggilan terbabit kemudian disambung kepada suspek kedua yang didakwa sebagai Pegawai Bank Negara Malaysia, seterusnya bercakap dengan seorang lagi individu lelaki mengaku

sebagai pegawai polis berpangkat inspektor dari Bukit Aman yang mengaku mengendalikan kes tersebut.

“Mangsa yang curiga dengan keadaan itu kemudian menghubungi pihak bank pada akaun yang dimilikinya sebelum dimaklumkan mangsa sudah memindahkan wang sebanyak RM50,000 keluar dari akaunnya,” katanya.

Mangsa kemudian datang ke balai polis membuat laporan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.